

1. Beri **ANTONIM (KATA BERLAWAN)** bagi setiap perkataan yang bergaris.

- a. Abang Iskandar memancing ikan dalam sungai yang keruh tetapi di hulu sungai itu airnya _____.
- b. Pertunjukan itu bermula lebih awal dari masa yang telah ditetapkan dan _____ pada jam 10.30 malam.
- c. Diana gemar menonton cerita-cerita yang berunsurkan tauladan dan _____ cerita-cerita seram yang ditayangkan di televisyen.
- d. Anak-anak Puan Maimon sering mempunyai pendapat yang sama manakala anak-anak Puan Rosnah sentiasa _____.
- e. Kedai runcit Awang Kasran yang dahulu mundur kini semakin _____ disebabkan usaha yang gigih.

2. Tuliskan **KATA GANDA** bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah.

- a. Pencuri itu meronta-_____ untuk melepaskan diri selepas ditangkap pihak polis.
- b. Seni pantun adalah warisan turun-_____ yang patut kita pelihara.
- c. Dia sukar menyeberang jalan raya kerana kereta yang bertali-_____.
- d. Perahu kecilnya terumbang-_____ dipukul ombak.
- e. Dia menjadi kelam-_____ apabila diberitahu waktu menjawab soalan sudah berakhir.

3. Pilih **IMBUHAN** yang disediakan dan tuliskan di tempat-tempat yang kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- a. Lampu-lampu yang di rumah Abu **gemerlap**.
(ber-an, di-kan, men-kan)
- b. Mereka **baik** pondok perhentian bas yang telah using itu.
(di-i, di, mem-i, per-i)
- c. Sebelum tidur ibu akan **baca** buku cerita kepada kami.
(pem-kan, di-i, mem-kan)
- d. Bandar Seri Begawan **mandi** cahaya lampu yang berwarna-warni.
(ber-kan, di-i, me-i)
- e. **dengar** Pakcik Halim sudah berkurangan.
(Di-kan, Peng-kan, Pen-an)
- f. Orang-orang Utan **gayut** di atas pokok. (ber-an, di-kan, meng-i)
- g. Pengemis itu tidur **bantal** lengan. (ber-kan, di-kan, mem-an)
- h. Polis bertugas untuk menjaga **selamat** orang ramai.
(di-kan, ke-an, mem-kan)
- i. Kempen membaca diadakan untuk **galak** orang ramai gemar membaca. (di-kan, meng-kan, per-kan)
- j. Air mata ibu **cucur** apabila mendengar berita sedih itu.
(ber-an, di-i, ter-an)

4. Tuliskan **PENJODOH BILANGAN** yang sesuai di tempat-tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini berdasarkan gambar.

a. Ibu susah hati kerana se_____ kunci telah hilang.	
b. Zeti hanya makan se_____ roti sebelum pergi ke sekolah.	
c. Ayah memotong se_____ buluh untuk dibuat tabung.	
d. Ibu memasukkan se_____ nasi ke dalam mulut adik.	
e. Ruangan tamu rumahnya dihiasi dengan beberapa _____ bunga segar.	

5. Tuliskan **SINONIM (KATA SEERTI)** dalam kurungan yang disediakan bagi setiap perkataan yang bergaris di bawah ini.

- a. Jika tidak ada aral (_____), saya akan ke rumah pakcik saudara saya di Seria pada minggu hadapan.
- b. Saya suka bersahabat (_____) dengan Sabariah kerana dia baik hati.
- c. Khalid beruntung kerana mendapat dorongan (_____) daripada keluarganya untuk menceburi bidang sukan.
- d. Saya sering (_____) mengulang kaji pelajaran di rumah.
- e. Program (_____) itu terpaksa dibatalkan kerana hujan lebat.
- f. Encik Leman memasukkan buah-buahan yang gugur (_____) itu ke dalam bakul.
- g. Halaman (_____) rumah Makcik Ramlah dipenuhi dengan bunga-bunga yang berwarna-warni.
- h. Usah (_____) membuang masa dengan kerja-kerja yang tidak berfaedah.
- i. Apabila terkenang (_____) akan peristiwa yang pahit itu, air mataku mengalir.
- j. Muhammad Rijal mengusulkan (_____) agar kami belajar dan mengulang kaji pelajaran bersama-sama.